

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL


All information as at 31 May 2025 unless otherwise stated  
Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2025 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana ESG Global aims to maximise returns over long term by investing in a qualified Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund.

Takafulink Dana ESG Global bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang berkelayakan.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



## Asset Allocation Peruntukan Aset


|                                                 | % NAV  |
|-------------------------------------------------|--------|
| 1 Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund | 100.66 |
| 2 Cash, Deposits & Others                       | -0.66  |

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

|                                                             |                               |
|-------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan                     | Prudential BSN Takaful Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan                         | 20/03/2023                    |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini                       | RM9,407,354.10                |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.50% per annum               |
| Current NAV / NAB Terkini                                   | RM1.22303                     |

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana ESG Global Vs. Dow Jones Islamic Market  
Developed Markets Index



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

|                                     | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga   | 3.74%   | -4.99%   | -6.07%   | -5.94% | NA      | NA      | 22.30%          |
| Benchmark / Penanda Aras            | 5.06%   | -4.35%   | -5.30%   | -1.89% | NA      | NA      | 31.02%          |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | -1.32%  | -0.64%   | -0.77%   | -4.05% | NA      | NA      | -8.72%          |

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 May 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2025 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Fund Review & Strategy

The Fund returned 3.74% for the month, underperforming the benchmark return of 5.06% by 1.32%. Year-to-date, The Fund returned -4.38%, outperforming the benchmark return of -4.39% by 0.01%. Q1 2025 earnings wrapped up better than expected with no major implications from global tariff and macro uncertainties highlighted by companies for now. The most notable update was the revival of AI optimism which overwhelmed the concern of Deepseek implications in the beginning of the year. US market overall outperformed the rest given its the larger number of leading companies involving in the AI basket including cloud, semis, electrification and software. The Target Fund Manager is hopeful to observe more AI monetization to justify for further corporate spendings to boost growth. In addition, the tariff pause between US and China on 12 May 2025 fueled the rally since the "reciprocal tariff" pause between US and all its trading partners on 9 April 2025. While the Target Fund Manager turned more cautious now that the broad market multiples have re-rated well, they manage their low cash level to be very selective investing in quality companies with where multiples are still trading at reasonable level and also to better withstand any reversal of macro uncertainties as they approach "reciprocal tariff" pause deadline in the beginning of July. By region, North America (NA) market recovered the strongest reversing its top laggard performance from the tariff uncertainties in April. The strong performance was then followed by Asia-Pacific (APAC) and European Union (EU) with the foreign exchange translation tailwinds of stronger currencies against USD as supported by the diversification needs. However, NA market was a drag to the Target Fund for the month given their underweight exposures. By sector, Healthcare underperformance was the major detractor given their overweight exposures and negative selection in the medical equipment and services industry. Lack Consumer Discretionary exposure was also a meaningful detractor as the sector had the stronger performance outside of AI basket. The top contributors to the relative performance were Johnson Control and Taiwan Semiconductor Manufacturing. Both companies delivered strong earnings beats. Johnson Control raised its full-year guidance with the strong non-resi HVAC demand outlook and cost improvement. Taiwan Semiconductor Manufacturing once again shown top-notch execution delivering better results despite impact from earthquakes in Taiwan while reiterated full year AI revenue to double and mid-40% CAGR for the next 5 years starting from 2024. On the other hand, the top detractors to the relative performance were UnitedHealth Group and Thermo Fisher. Post disappointing earnings, UnitedHealth Group was investigated by DoJ on possible Medicare Fraud. With some recoveries from the negative market reactions, the Target Fund Manager have fully divested their position due to both deteriorating fundamental quality and ESG aspects. Thermo Fisher continued to struggle from removing its growth overhang as investors stay side-line around near-term outlook under Trump administration while long-term remain to be seen. No position in Tesla was also one of the top detractors as retail investors, regardless of the weak fundamentals, were excited with Elon Musk exited US DOGE and back to work in Tesla 24/7.

### Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan 3.74% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 5.06% dengan perbezaan 1.32%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana memperoleh pulangan -4.38%, mengatasi pulangan penanda aras -4.39% dengan perbezaan 0.01%. Pendapatan Q1 2025 dirumus lebih baik daripada jangkaan tanpa implikasi besar daripada tarif global dan ketidaktentuan makro yang ditonjolkan oleh syarikat-syarikat buat masa ini. Perkembangan terkini yang paling ketara ialah kebangkitan optimistik terhadap AI yang mengatasi kebimbangan implikasi Deepseek pada awal tahun ini. Pasaran AS secara keseluruhannya mengatasi prestasi pasaran yang lain lantaran bilangan syarikat terkemuka yang lebih besar terlibat dalam bidang AI termasuk awan, semikonduktor, elektrifikasi dan perisian. Pengurus Dana Sasaran berharap dapat melihat lebih banyak pengewangan AI untuk mewajarkan perbelanjaan korporat selanjutnya agar merangsang pertumbuhan. Di samping itu, penangguhan tarif antara AS dan China pada 12 Mei 2025 telah menyemarakkan lagi peningkatan sejak penggantungan "tarif timbal balik" antara AS dan semua rakan dagangnya pada 9 April 2025. Meskipun pasukan Pengurus Dana Sasaran lebih berhati-hati sekarang berikutan gandaan pasaran yang luas telah dinilai semula dengan baik, mereka menguruskan tahap tunai yang rendah agar betul-betul selektif dengan pelaburan dalam mana-mana syarikat berkualiti yang berdagang pada tahap yang munasabah di samping berupaya berdiri teguh demi mendepani apa-apa pembalikan ketidaktentuan makro sebaik ia menghampiri tempoh akhir penangguhan "tarif timbal balik" pada awal bulan Julai. Mengikut rantau, pasaran Amerika Utara (NA) pulih paling kukuh dengan membalikkan ketinggalan prestasi tertingginya daripada ketidaktentuan tarif pada bulan April. Prestasi kukuh itu diikuti rapat oleh Asia-Pasifik (APAC) dan Kesatuan Eropah (EU) dengan terjemahan sokongan pertukaran mata wang asing yang lebih kukuh berbanding USD sebagaimana yang disangga oleh keperluan yang pelbagai. Namun begitu, pasaran NA menjadi seretan kepada Dana Sasaran pada bulan tinjauan lantaran kekurangan pendedahan kepadanya. Mengikut sektor, prestasi rendah Penjagaan Kesihatan menjadi penggugat utama prestasi memandangkan pendedahan secara berlebihan dan pemilihan yang negatif dalam industri peralatan dan perkhidmatan perubatan. Kekurangan pendedahan kepada Pengguna Bukan Keperluan juga menjadi penggugat yang besar kerana sektor ini memberikan prestasi yang lebih kukuh di luar bidang AI. Penyumbang terbesar kepada prestasi relatif ialah Johnson Control dan Taiwan Semiconductor Manufacturing. Kedua-dua syarikat ini mengalunkan rentak pendapatan yang kukuh. Johnson Control menaikkan panduan setahun penuhnya dengan prospek permintaan HVAC bukan kediaman yang utuh di samping penambahbaikan kos. Taiwan Semiconductor Manufacturing sekali lagi menunjukkan pelaksanaan terulung yang membuahkan hasil lebih baik walaupun dilanda kesan gempa bumi di Taiwan sambil meraih pendapatan AI setahun penuh kepada dua kali ganda dan pertengahan 40% CAGR bagi 5 tahun akan datang mulai 2024. Sebaliknya, penjejas terbesar kepada prestasi relatif ialah UnitedHealth Group dan Thermo Fisher. Selepas meraih pendapatan yang mengecewakan, UnitedHealth Group telah disiasat oleh DoJ tentang kemungkinan Penipuan Medicare. Berbekalkan sebahagian pemulihan daripada reaksi pasaran yang negatif, Pengurus Dana Sasaran telah melepaskan sepenuhnya pegangan disebabkan kualiti asas dan aspek ESG yang semakin merosot. Thermo Fisher terus bergelut untuk menghapuskan kekangan pertumbuhannya apabila pelabur masih mengeneapi dari prospek jangka terdekat di bawah pentadbiran Trump manakala prospek jangka panjang masih belum kelihatan. Ketiadaan pegangan dalam Tesla juga merupakan salah satu penggugat terbesar kerana pelabur runcit, tanpa mengira asas yang lemah, teruja dengan Elon Musk yang menarik diri dari US DOGE dan kembali berkhidmat sepenuh masa di Tesla.

Source / Sumber: Fund Commentary, May 2025, Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 May 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2025 melainkan jika dinyatakan

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara halaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL